



Info

→ Facebook: facebook.com/SunLifeMalaysia
→ Instagram: @sunlifemalaysia_my

Lebih 800 pengunjung menyertai pelbagai aktiviti sempena siri jelajah 'Sun Life Malaysia Brighter Lives' di Mutiara Damansara, baru-baru ini.

Sun Life pupuk budaya sihat

➔ Bantu pelanggan capai keselamatan kewangan seumur hidup

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@nstp.com.my

Sun Life Malaysia Assurance Njd (Sun Life Malaysia), syarikat insurans hayat dan takaful keluarga, terus komited untuk melahirkan

budaya sihat dalam kalangan masyarakat dengan menganjurkan program jerayawara di Mutiara Damansara, baru-baru ini.

Bertemakan 'Brighter Lives', program itu memberi penekanan terhadap pentingnya untuk memiliki kesihatan dari segi fizikal, mental dan kewangan, selari dengan cadangan perniagaan Sun Life Malaysia untuk membantu pelanggan mencapai keselamatan kewangan seumur hidup dan menikmati gaya hidup lebih sihat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Raymond Lew, program itu turut menerima sambutan apabila 800 pengunjung hadir mengambil bahagian dalam

beberapa aktiviti yang dianjurkan.

"Kami menganjurkan program ini untuk berkongsi strategi gaya hidup yang lebih sihat, dan ia bertujuan untuk menggalakkan budaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

"Tidak dinafikan, kesihatan memainkan peranan penting dalam menentukan kadar insurans. Individu yang sihat dan mempunyai risiko kesihatan lebih rendah akan lebih menikmati kadar premium standard," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Anjur pelbagai aktiviti

Selain itu, katanya, kajian jurang kesihatan yang dibuat oleh Sun Life Financial Asia menunjukkan Malaysia sebagai

antara negara yang tergolong dalam jurang kesihatan paling ketara untuk penyakit kritikal khususnya serangan sakit jantung dan strok.

"Pada program itu, Sun Life Malaysia turut mengambil kesempatan melancarkan Kempen Jenama Brighter Lives, kempen sepanjang tahun berdasarkan konsep metafora 'Jar of Dreams' yang mewakili syarikat ini sebagai tempat selamat bagi rakyat Malaysia untuk menandatangani impian mereka untuk masa depan.

"Selain itu, kami bakal menganjurkan lebih banyak aktiviti kepada pelanggan Sun Life Malaysia yang akan diumumkan menerusi laman Facebook dan Instagram kami," katanya.